

15 MAY 1997

SAFIRE PHARMACEUTICALS MAHU DISENARAIKAN DI PAPAN KEDUA

Oleh: Michael Raj

SERI ISKANDAR, 15 Mei (Bernama) -- Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat pembuat produk ubat-ubatan milik penuh Bumiputera tidak menolak kemungkinan disenaraikan di papan kedua dalam jangka panjang.

Pengarah Urusannya, Dr. Safri bin Nawawi, berkata syarikat itu berhasrat menjadi peserta utama dalam industri pembuatan produk ubat-ubatan yang berpotensi tinggi ini.

"Kami akan usahakan ini dengan memperluaskan agihan pasaran dalam negara daripada tujuh peratus sekarang kepada 16 peratus menjelang tahun 2000," katanya kepada Bernama selepas pelancaran kilang baru syarikat itu yang berharga RM24 juta di sini oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Turut hadir ialah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Sebanyak 30 peratus kepentingan syarikat itu dimiliki oleh Dr Safri dan isterinya, Dr Hamimah Idruss, manakala bakinya dipegang oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak (PKENP).

Bagaimanapun, di bawah persetujuan pembelian balik, PKENP akan menjual kepentingan yang dipegangnya kepada pasangan itu selepas beberapa tahun.

Syarikat itu, yang ditubuhkan pada tahun 1983 dengan sebuah kilang di Segambut, Kuala Lumpur, mengeluarkan 84 jenis produk ubat-ubatan dan mempunyai 180 pekerja.

Pada masa ini, syarikat itu mengeksport produknya ke Singapura dan Brunei serta berharap untuk memanfaatkan potensi di Vietnam, Papua New Guinea, Myanmar, Fiji dan Timur Tengah.

Hari ini syarikat itu menandatangani satu perjanjian usaha sama dengan Peter Black Toileteries & Cosmetic Pte Ltd dari United Kingdom.

Di bawah perjanjian itu, Safire akan memegang 70 peratus ekuiti manakala Peter Black akan memegang 30 peratus.

Peter Black ialah pembuat kelengkapan dandanan diri dan alat solek bagi Mark & Spencer, London.

Syarikat itu juga berhasrat untuk menawarkan peluang perniagaan francais kepada syarikat-syarikat tempatan, terutama Bumiputera, dengan mendapatkan modal kerja melalui syarikat kewangan bagi mengedarkan barangan syarikat itu.

Katanya, barangan syarikat itu dijual di kedai runcit melalui rangkaian "East West Pharmacy" dan "East West Shoppe". -- BERNAMA

MR KY/sia